

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 9 TAHUN 1990

SENARAI BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN YANG BAKAL DIMASUKKAN DI DALAM JADUAL D ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930 DAN JADUAL 26A ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa ada sedikit kesilapan di dalam Lampiran 'A' kepada Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 8 Tahun 1990 mengenai senarai Bank-Bank dan Institusi Kewangan yang akan dimasukkan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 27.6.1990 tidak membuat perakuan supaya semua Bank dan Institusi Kewangan di Lampiran A itu dimasukkan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.
3. Senarai Bank-Bank dan Institusi Kewangan yang diperakukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah bagaimana Lampiran 'A' kepada Pekeliling ini dan Lampiran A kepada Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 8 Tahun 1990 adalah dengan ini dibatalkan.
4. Mengenai Syarikat Telekom Malaysia ianya telah dimasukkan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagaimana Warta Kelantan PU No. 1688 bertarikh 21.6.1988 dan ianya tidak perlu dimasukkan semula di dalam Jadual D berkenaan.

5. Di Lampiran 'A' dikembarkan senarai Bank-Bank dan Institusi Kewangan yang telah diperakukan untuk dimasukkan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

t.t

(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

BERTARIKH : 18HB. JULAI, 1990

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan.
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YABrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

FAIL: P.T.G.KN. SULIT 23/3/1/Jld.2. (39)

LAMPIRAN 'A'

**SENARAI BANK-BANK YANG DIPERAKU UNTUK DIMASUKKAN
DALAM JADUAL 'D' DAN JADUAL 26A**

<u>NO.FAIL</u>		<u>NAMA BANK/INSTITUSI KEWANGAN</u>
P.T.G.KN. 17/2/10	-	Ban Hin Lee Bank Berhad
“ 17/2/2	-	Esso Malaysia Berhad
“ 684	-	Public Bank Berhad
“ 4284	-	United Asian Bank Berhad
“ 2883/2	-	Arab Malaysian Credit Berhad
“ 3980	-	Kwong Yik Finance Berhad
“ 13079	-	Oversea Chinese Banking Corporation Limited
“ S.23/3/1/Jld.2	-	Syarikat Cagamas (Anak Syarikat Bank Negara)

**SENARAI BADAN BERKANUN YANG PERNAH MEMOHON UNTUK
DIMASUK DALAM JADUAL 'D' DAN JADUAL 26A**

P.T.G.KN. 16/11/1	-	i) Lembaga Letrik Negara
-------------------	---	--------------------------